

SINAR HARIAN 14/11/2016

## Mantapkan ilmu al-Quran, solat, sahsiah

**BATURAKIT** - Seramai 80 murid tahun enam dari tiga sekolah di Batu Rakit, di sini, terpilih menyertai siri terakhir Program Generasi Mithali 2016 di Sekolah Kebangsaan (SK) Darat Batu Rakit.

Tiga sekolah itu membabitkan, SK Darat Batu Rakit, SK Pecah Rotan dan SK Bukit Wan.

Program anjuran Fakulti Kontemporari Islam (FKI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Pusat Jalinan Industri dan Masyarakat (PJIM) UniSZA serta Yayasan Pembangunan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) dilaksanakan tiga siri iaitu pada bulan Ogos, September dan November.

Dekan FKI UniSZA, Prof Dr Kamarul Shukri Mat Teh berkata, program bertujuan memberi tiga fokus utama iaitu pemantapan al-Quran, solat dan sahsiah.

"Kita ingin beri pendedahan kepada mereka



Peserta Program Generasi Mithali dan tetamu kenamaan bergambar kenangan.

sebelum melangkah ke alam lebih dewasa.

"Jadi, dengan adanya pemantapan dari tiga aspek iaitu al-Quran, sahsiah dan solat ini mampu menjadi pendorong buat mereka untuk menepis kehidupan yang lebih mencabar nanti.

"Oleh itu, kita berharap agar program se-

begini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dengan melibatkan lebih ramai pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penutup Program Generasi Mithali 2016 di Sekolah Kebangsaan Darat Batu Rakit.